

04/01/2003

MPP berazam bantu tingkat imej UTM

MAJLIS Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi sesi akademik 2002/2003 berikrar akan memastikan keseluruhan 29,000 pelajar universiti itu memainkan peranan penting dalam menyokong serta mendokong aspirasi dan dasar kerajaan demi kejayaan negara.

Presidennya, Mohd Shahar Abdullah, 23, berkata barisan jawatankuasa MPP berkenaan berjanji akan berusaha sedaya mungkin untuk membantu ke arah mencapai dasar dan aspirasi kerajaan, sekali gus meningkatkan imej UTM sebagai universiti bertaraf antarabangsa.

Sehubungan itu, beliau berkata, strategi perlu dilaksana untuk mengembalikan semula kepercayaan pelajar UTM terhadap kewibawaan MPP berikutan jawatankuasa sebelum ini dipegang oleh barisan ahli yang tidak menyokong dasar mahupun aspirasi kerajaan.

Dalam konteks itu, katanya, usaha akan digerak untuk menyatupadukan keseluruhan pelajar UTM bertepatan dengan motto 'mesra pelajar' yang ditekankan MPP berkenaan bagi menangkis sebarang elemen pengaruh negatif, terutama dari luar universiti.

"Saya berjanji akan memastikan tahun ini sebagai titik permulaan untuk membuktikan bahawa MPP UTM menyokong teguh aspirasi kerajaan secara berterusan tanpa berselindung, sekali gus mendukung dasar UTM untuk menjadi universiti bertaraf antarabangsa.

"Selain itu, barisan MPP baru ini juga akan membuktikan bahawa UTM memang cemerlang dari segi ilmu sains serta teknologi kerana jawatankuasa dulu banyak dipegang oleh pelajar dalam bidang pengajian pendidikan," katanya ketika ditemui selepas majlis sambutan hari raya pelajar UTM Kampus Jalan Semarak di Kuala Lumpur, semalam.

Mohd Shahar adalah pelajar tahun akhir Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Timbalan Presiden pula dipegang oleh Siti Hawa Adila Mohd Yusoff, 21 (tahun ketiga Fakulti Kejuruteraan Awam), Bendahari (Siti Rokhiyah Abu, 21 - tahun ketiga Fakulti Kejuruteraan Awam), dan Setiausaha Agung (Mohd Affandi Abu, 21 - tahun ketiga Fakulti Pendidikan).

Mohd Shahar berkata, jawatankuasa MPP pada sesi lalu dirombak semula yang membawa kepada pembentukan lapan jabatan baru (berbanding hanya enam sebelum ini), iaitu Jabatan Perhubungan Luar dan Antarabangsa, Jabatan Penerbitan dan Penerangan, Jabatan Pendidikan dan Pembangunan, Jabatan Sukan dan Rekreasi, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian, Jabatan Kebajikan dan Kerohanian, Jabatan ICT dan Tugas Khas, serta Jabatan Sosial dan Perpaduan.

Beliau berkata, manifesto digariskan mencakupi empat resolusi, iaitu dari segi pendidikan, ekonomi, kebudayaan dan kesukanan, manakala kegiatan yang dilaksanakan akan merangkumi isu global.

Katanya, antara aktiviti yang dirancang ialah program melawat pemimpin negara, termasuk Timbalan Perdana Menteri dan semua Menteri Besar serta Ketua Menteri, bagi melatih kemahiran interaksi ahli MPP.

Di samping itu, aktiviti lain yang dirancang ialah bengkel 'perang jenayah' dan menggariskan memorandum membantah serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq yang akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika sidang kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) nanti.

Bukan itu saja, katanya, bengkel kepimpinan untuk semua pemimpin pelajar dan musabiqah al-Quran peringkat sekolah dan universiti juga akan diadakan.

